

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA	SECTION:	BISNES
PUBLICATION:	UTUSAN MALAYSIA	PAGE NO.:	45
DATE:	WEDNESDAY, 26 SEPTEMBER 2018	FREQUENCY:	DAILY
CIRCULATION:	112,050		
HEADLINE:	PETRONAS, TiME MARINE SERVICES BANGUNKAN TEKNOLOGI		

### Petronas, TiME Marine Services bangun teknologi

**KUALA LUMPUR 25 Sept.** - Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) bekerjasama dengan TiME Marine Services Sdn. Bhd. untuk mencari penyelesaian inovatif dan ekonomi dalam rawatan enap cemar bagi mendapatkan semula hidrokarbon di darat.

TiME Marine Services adalah pemenang kepada Cabaran Teknologi Petronas yang ketiga.

Menurut Petronas, pemenang berkenaan mencadangkan teknologi melibatkan penggunaan bahan kimia teknologi nano tidak toksik dan mesra alam sekitar yang mampu mencairkan gas kumbahan dan lilin berat.

Katanya, nanopartikel akan memisahkan emulsi ke dalam minyak dan air seterusnya membolehkan proses pemulihan hidrokarbon yang optimal.

“Pada masa yang sama, teknologi itu akan membersihkan efluen atau sisa air yang dilepaskan untuk memenuhi piawaian kualiti alam sekitar.

“Penyelesaian ini menawarkan rawatan kos efektif enap cemar daripada tangki minyak dan produk petroleum mentah

untuk menghasilkan nilai tambah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pengumuman pemenang telah diadakan sempena Perisidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC) 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sijil pemenang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Research Sdn. Bhd., Dr. Shahidah M Shariff kepada Ketua Pegawai Eksekutif TiME Marine Services, Omar Khalid.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Darell Leiking; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petrolia Nasional Bhd., Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin; Naib Presiden Kanan Pelaksanaan Projek dan Teknologi Petronas, Mazuin Ismail dan Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOG-SC), Sharifah Zaida Nurlisha.

Teknologi itu juga akan memberi manfaat kepada Petronas dengan memperkenalkan standard Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) lebih baik buat operasi.